



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SOALAN LAZIM (FAQ) PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2022



1. BAGAIMANAKAH PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN DAN KES T PEPERIKSAAN SPM 2022 BOLEH DIBUAT?

Permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan SPM 2022 boleh dibuat melalui dua cara iaitu:

- a. melalui pautan: <https://elp.moe.gov.my>; dan
- b. mendaftarkan melalui aplikasi e-LP yang boleh dimuat turun melalui Google Playstore untuk telefon pintar Android atau Apple Apps Store untuk telefon Iphone.

2. APAKAH SYARAT UNTUK PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 2022?



Syarat permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah **calon tidak berpuas hati dengan gred yang diperolehi.**



**MALAYSIA
MADANI**



KemPendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



3. BERAPA LAMA TEMPOH PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN SPM 2022 DIBUKA?

Permohonan penyemakan semula keputusan SPM 2022 perlu dibuat dalam tempoh sebulan daripada tarikh pengeluaran keputusan iaitu bermula 8 Jun 2023 hingga 7 Julai 2023.



4. ADAKAH PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN INI DIKENAKAN BAYARAN? JIKA ADA, BERAPA JUMLAHNYA?

Ya. Kadar bayaran penyemakan semula keputusan adalah **RM100.00** bagi setiap mata pelajaran yang dimohon.



5. ADAKAH CALON BOLEH MEMBUAT BAYARAN PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN SECARA TUNAI?

Tidak. Pembayaran penyemakan semula keputusan dibuat **secara dalam talian sahaja melalui e-LP.**



**MALAYSIA
MADANI**



KemPendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



6. ADAKAH PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN AKAN DIPROSES JIKA CALON TIDAK MEMBUAT BAYARAN SEMASA PERMOHONAN?

Tidak. Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran tidak akan diproses.

7. ADAKAH PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN BAGI KES T AKAN DIKENAKAN BAYARAN?



Tidak. Permohonan penyemakan semula keputusan bagi Kes T tidak akan dikenakan sebarang bayaran.



8. APAKAH SYARAT UNTUK PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN BAGI KES T PEPERIKSAAN SPM 2022?

Syarat permohonan penyemakan semula keputusan bagi Kes T adalah **calon hadir dan melaksanakan/menduduki semua kertas mata pelajaran berkenaan tetapi memperolehi gred T bagi mata pelajaran berkenaan.**



**MALAYSIA
MADANI**



KemPendidikan



9. BERAPA LAMA TEMPOH MASA UNTUK CALON MENERIMA KEPUTUSAN PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA?

Keputusan permohonan penyemakan semula akan dikeluarkan **dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonan.**

10. BAGAIMANAKAH KEPUTUSAN PENYEMAKAN SEMULA DIMAKLUMKAN KEPADA CALON?



Keputusan permohonan penyemakan semula akan dimaklumkan melalui kaedah berikut:

- a. melalui emel; dan
- b. menyemak keputusan secara dalam talian melalui **e-LP**.



11. BERAPA LAMA TEMPOH UNTUK CALON MENGETAHUI KEPUTUSAN PENYEMAKAN SEMULA BAGI KES T?

Keputusan permohonan penyemakan semula bagi Kes T akan dikeluarkan dalam tempoh **empat belas (14) hari dari tarikh permohonan.**





12. BAGAIMANAKAH CALON BOLEH MENDAPATKAN SLIP KEPUTUSAN YANG BAHARU?

Jika keputusan penyemakan keputusan peperiksaan didapati **Berubah**, tindakan calon adalah seperti berikut:

- a. calon sekolah boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu melalui sekolah masing-masing; dan
- b. calon persendirian boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu di Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) tempat calon mendaftar.

13. BOLEHKAH CALON MEMOHON SEMAKAN SEMULA SELEPAS MENDAPAT KEPUTUSAN KES T?



Boleh. Calon perlu menghubungi LP dan memberikan maklumat lengkap seperti berikut:

- a. Nama penuh
- b. Angka giliran
- c. No kad pengenalan
- d. Alamat emel

Pegawai bertugas akan menghubungi semula calon bagi tindakan atau proses selanjutnya.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



14. BOLEHKAH CALON MEMOHON SEMAK SEMULA KALI KEDUA SETELAH KEPUTUSAN DIKELUARKAN?

Tidak. Permohonan semak semula hanya dibenarkan **sekali** sahaja bagi setiap mata pelajaran.

15. BOLEHKAH CALON MEMBATALKAN PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN SPM 2022 YANG TELAH DIMOHON SECARA DALAM TALIAN?



Tidak. Permohonan yang telah dikemukakan secara dalam talian akan diproses sebaik sahaja permohonan diterima.



16. BOLEHKAH CALON MENAMBAH BILANGAN MATA PELAJARAN PERMOHONAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 2022?

Boleh. Calon boleh menambah mata pelajaran untuk penyemakan semula keputusan melalui permohonan sedia ada di eLP.



**MALAYSIA
MADANI**



KemPendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



17. BILAKAH TARIKH TAMAT PENDAFTARAN SPMU TAHUN 2023?

Tarikh tamat untuk pendaftaran SPMU Tahun 2023 adalah pada **16 Jun 2023**. Calon persendirian SPM 2022 dikecualikan Caj Lewat Daftar sebanyak RM150.00, tidak termasuk bayaran asas dan bayaran mata pelajaran



**MALAYSIA
MADANI**



KemPendidikan